



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL
PENINGKATAN EFIKASI MENGAJAR
BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN AWAL
KANAK-KANAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR NAZUHA BEEVI BINTI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PENINGKATAN EFIKASI
MENGAJAR BAHASA INGERIS DALAM KALANGAN GURU
PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

NUR NAZUHA BEEVI BINTI ABDUL AZIZ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)

PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) September(bulan) 2020

i. Perakuan pelajar:

Saya, NUR NAZUHA BEEVI BINTI ABDUL AZIZ, P20121000711, PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PENINGKATAN EFIKASI MENGAJAR BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:


Saya, PROF.MADYA DR. NORDIN MAMAT dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PENINGKATAN EFIKASI MENGAJAR BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH DOKTOR FALSAFAH.

16 Okt 2020

Tarikh :

Tandatangan Penyelia
Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
Pesyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris







PENGHARGAAN

Pertama sekali saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurniaNya yang membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Nordin Mamat selaku penyelia utama dan Profesor Madya Dr. Loy Chee Luen selaku penyelia bersama yang membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam penulisan tesis ini. Jutaan penghargaan kepada Profesor Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip yang telah membantu saya sejak dari awal kajian ini dan Profesor Madya Dr. Goh Swee Choo selaku pemeriksa dalaman yang telah memberi banyak cadangan untuk penambahbaikan kualiti tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Profesor Dr. Ramlee Mustapha yang turut menyumbang idea bagi penulisan tesis ini.

Jutaan penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa Halimah Abdul Majid dan Abdul Aziz Bin Abbas serta anak-anak tersayang Maryam Qistina Mohd Marwillis dan Muhammad Uwais Marwan Mohd Marwillis kerana sentiasa berdoa untuk kejayaan saya. Tidak dilupakan juga kepada adik-beradik yang turut membantu dalam menyiapkan tesis ini iaitu Nur Aribah Beevi Abdul Aziz dan Nur Taslimah Beevi Abdul Aziz.

Saya juga amat terhutang budi kepada majikan saya Basri Bin Mat Lazim serta rakan-rakan guru di SK Dato' Panglima Bukit Gantang tidak akan saya lupakan. Tidak dilupakan juga kepada Pn. Jamilah Binti Nordin selaku Penolong PPD Prasekolah dan Permata Daerah Larut Matang dan Selama yang banyak membantu dari segi pemerolehan data. Ucapan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang terlibat membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang pelaksanaan kajian pembangunan modul ini. Terima kasih atas kerjasama daripada pelbagai pihak seperti:

- Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- Pejabat Pendidikan Larut Matang dan Selama
- Pejabat Pendidikan Kuala Kangsar
- Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Perak
- Majlis Agama Islam Negeri Perak
- Guru-guru prasekolah KPM
- Guru-guru Tadika Islam Negeri Perak
- Guru-guru Tabika KEMAS Negeri Perak

Tidak dilupakan juga sahabat baik Siti Rohana Binti Salleh yang telah banyak membantu saya. Akhir sekali penghargaan saya tujukan buat semua sahabat seperjuangan saya di Pusat Perkembangan Penyelidikan Kanak-Kanak Negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan dan tunjuk ajar selama ini. Semoga Allah SWT membalas jasa kalian yang tidak terhitung dan tidak ternilai dengan wang ringgit.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangun dan menilai Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (PEMBI) dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR) dengan tiga fasa kajian. Fasa 1 iaitu fasa analisis keperluan di mana seramai 90 orang guru Tabika KEMAS telah diberi soal selidik dan ditemu bual. Fasa II iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan modul di mana kesahan kandungan modul dinilai oleh sembilan orang panel pakar. Fasa III iaitu fasa pelaksanaan dan penilaian dijalankan terhadap 66 orang guru Tabika KEMAS yang dibahagikan kepada kumpulan rawatan ($n=33$) dan kumpulan kawalan ($n=33$) secara rawak. Pembangunan isi kandungan modul menggunakan Teori Efikasi Kendiri, model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Instrumen yang digunakan ialah Soal Selidik Tahap Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris dan Soal Selidik Tahap Kebimbangan Mengajar Bahasa Inggeris. Dapatan kajian Fasa I menunjukkan guru percaya bahawa mereka lemah menguruskan pembangunan emosi diri ($M=3.47$, $SP=6.55$), kurang pemodelan sendiri ($M=3.38$, $SP=0.47$), kurang pengetahuan dalam mengajar Bahasa Inggeris ($M=3.17$, $SP=0.43$) serta penilaian sendiri ($M=2.59$, $SP=4.62$) yang agak rendah. Oleh itu, mereka menyokong keperluan sebuah modul dibina untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris ($M=4.04$, $SP=0.62$). Dapatan kajian Fasa II menunjukkan tahap persetujuan pakar terhadap kebolegunaan modul melebihi 84.6 peratus. Dapatan kajian Fasa III menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min ujian pra dan ujian pasca dalam aspek kepercayaan efikasi sendiri [$t(32) = -7.66$; $p<0.05$]; amalan efikasi sendiri [$t(32) = -8.58$; $p<0.05$]; dan tahap kebimbangan [$t(32) = 4.128$; $p<0.05$]. Hasil temu bual mendapati beberapa kekuatan modul iaitu kesesuaian bahan modul, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, perubahan diri dan kualiti pengajaran. Kelemahan modul pula adalah kekurangan aktiviti praktikal dan masa. Kesimpulannya, Modul PEMBI ini berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta efikasi sendiri untuk mengajar Bahasa Inggeris. Implikasi kajian menunjukkan modul ini boleh digunakan bagi latihan pembangunan profesional guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris terutama daripada aspek psikologikal guru termasuk efikasi sendiri dan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris.





DEVELOPMENT AND EVALUATION EFFICACY ENHANCEMENT MODULE FOR TEACHING ENGLISH AMONG EARLY CHILDHOOD TEACHERS

ABSTRACT

This study aimed to develop and evaluate the Efficacy Enhancement Module (MEET) for Teaching English among early childhood teachers. This study used the Design and Developmental Research (DDR) method with three phases of the study. Phase I was the needs analysis phase where a total of 90 KEMAS Preschool teachers were given the questionnaire and interviewed. Phase II was the phase of module design and development where the validity of the module content was assessed by nine expert panels. Phase III which was the implementation and evaluation phase was conducted on 66 KEMAS Preschool teachers who were divided into treatment group (n=33) and control group (n=33) at random. Module content development used the Self Efficacy Theory, Keller ARCS model and Andragogy Learning Theory. The instruments consisted of the English Teaching Efficacy Level Questionnaire and the English Teaching Anxiety Level Questionnaire. The findings of the Phase I study showed that teachers believe they are weak in managing their emotional development (M=3.47, SD=6.55), lack self-modelling (M=3.38, SD=0.47), lack knowledge in teaching English (M=3.17, SD=0.43) as well as have relatively low self-assessment (M=2.59, SD=4.62). Therefore, they supported the need for a built module to improve the self-efficacy of teaching English (M=4.04, SD=0.62). The findings of the Phase II study showed that the level of experts' agreement on the usability of the module exceeded 84.6 percent. The findings of the Phase III study showed that there was a significant difference between the mean scores of pre-test and post-test in terms of self-efficacy belief [$t(32) = -7.66$; $p < 0.05$]; self-efficacy practice [$t(32) = -8.58$; $p < 0.05$]; and anxiety level [$t(32) = 4.128$; $p < 0.05$]. The results of the interview found some strengths of the module, namely the suitability of the module material, improvement of knowledge and skills, self-change and the quality of teaching. The main disadvantage of the module is that it lacks of practical activities and time. In conclusion, this MEET Module is effective in improving the knowledge, skills and self-efficacy to teach English. The implication of the study shows that this module can be used for teacher professional development training to improve the quality of English teaching especially from the psychological aspects of teachers including self-efficacy and anxiety of teaching English.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xx

SENARAI LAMPIRAN

xxii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Signifikan Kajian	22
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	26
1.8 Definisi Operasional	28
1.8.1 Efikasi Kendiri Guru	28
1.8.2 Kebimbangan	30
1.9 Kerangka Konseptual	31
1.10 Rumusan	33

Muka Surat

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	34
2.2 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak	35
2.3 Efikasi Kendiri dan Domain Pencapaian	53
2.4 Efikasi Kendiri dan Domain Afektif	55
2.5 Efikasi Kendiri Guru	58
2.6 Efikasi Kendiri dan Pengajaran Bahasa Inggeris	62
2.7 Kebimbangan	66
2.8 Efikasi Kendiri dan Latihan Pembangunan Guru	70
2.9 Latar Belakang Teori	75
2.9.1 Teori Kognitif Sosial	76
2.9.2 Teori Efikasi Kendiri Bandura	77
2.9.2.1 Sumber-Sumber Pembentukan Efikasi Kendiri	80
2.9.3 Model ARCS Keller	84
2.9.4 Teori Pembelajaran Androgogi (TPA)	88
2.10 Kajian-kajian Berkaitan Pembangunan Modul dan Latihan Pembangunan Guru	94
2.11 Kerangka Teoritik	101
2.12 Rumusan	103

Muka Surat

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	104
3.2 Reka Bentuk Kajian	105
3.3 Kerangka Kajian	111
3.4 Fasa Analisis Keperluan	115
3.4.1 Persampelan Kajian Fasa Analisis Keperluan	117
3.4.1.1 Saiz Sampel Kajian Analisis Keperluan	117
3.4.1.2 Pemilihan Sampel Kajian Analisis Keperluan	119
3.4.2 Prosedur Kajian Fasa Analisis Keperluan	121
3.4.3 Instrumen Fasa Analisis Keperluan	122
3.4.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	124
3.4.4.1 Kesahan Instrumen	126
3.4.4.2 Kebolehpercayaan Instrumen	129
3.4.5 Pengujian Normaliti Pemboleh Utama Kajian	130
3.4.6 Penganalisisan Data Kajian Fasa Analisis Keperluan	131
3.5 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	132
3.5.1 Persampelan Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	135
3.5.1.1 Saiz Sampel Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	135
3.5.1.2 Pemilihan Sampel Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	137
3.5.2 Prosedur Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	139
3.5.3 Instrumen Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	139
3.5.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	140

Muka Surat

3.5.5 Penganalisan Data Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	141
3.6 Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	142
3.6.1 Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris (BLPMBI)	149
3.6.1.1 Objektif BLPMBI	152
3.6.1.2 Jadual Pelaksanaan BLPMBI	153
3.6.2 Persampelan Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	161
3.6.2.1 Saiz Sampel Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	163
3.6.2.2 Pemilihan Sampel Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	164
3.6.3 Prosedur Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	166
3.6.3.1 Saiz Sampel Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	168
3.6.3.2 Pemilihan dan Latihan Fasilitator	173
3.6.3.3 Isu dan Etika	175
3.6.4 Instrumen Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	177
3.6.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	178
3.6.5.1 Kesahan Instrumen	179
3.6.5.2 Kebolehpercayaan Instrumen	183
3.6.6 Pengujian Normaliti Pemboleh Utama Kajian	185
3.6.7 Penganalisan Data Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	186
3.7 Rumusan	187

Muka Surat

BAB 4 DAPATAN KAJIAN FASA ANALISIS KEPERLUAN

4.1 Pendahuluan	191
4.2 Demografi Subjek Kajian	195
4.3 Dapatan Kajian Tinjauan	197
4.4 Dapatan Kajian Temubual	208
4.5 Rumusan Dapatan Fasa Satu: Analisis Keperluan	215

BAB 5 DAPATAN FASA REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

5.1 Pendahuluan	219
5.2 Dapatan dan Analisis Kajian Fasa Dua: Reka Bentuk	220
5.2.1 Reka Bentuk Berdasarkan Dapatan Analisis Keperluan	227
5.2.2 Reka Bentuk Berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura	231
5.2.3 Reka Bentuk Berdasarkan Model ARCS Keller	233
5.2.4 Reka Bentuk Berdasarkan Teori Pembelajaran Androgogi	237
5.2.5 Perkaitan Di Antara Analisis Keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi	242
5.2.6 Isi Kandungan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (Modul PEMBI)	245
5.2.7 Strategi Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Modul PEMBI	282
5.2.8 Material Aktiviti-Aktiviti Modul PEMBI	283
5.3 Dapatan dan Analisis Kajian Fasa Dua: Pembangunan	298
5.3.1 Kesahan Modul	297
5.3.1.1 Kesahan Kandungan Modul Berdasarkan Pandangan Pakar	298
5.3.2 Kebolehpercayaan Modul	306
5.3.3 Pemurnian dan Penambahbaikan Modul	310
5.4 Rumusan Dapatan dan Analisis Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	317

Muka Surat

BAB 6 DAPATAN FASA PELAKSANAAN DAN PENILAIAN

6.1 Pendahuluan	318
6.2 Keberkesanan Modul PEMBI Menerusi Kuasi Eksperimen	320
6.2.1 Kesan Modul PEMBI Terhadap Kepercayaan Efikasi Kendiri	320
6.2.2 Kesan Modul PEMBI Terhadap Amalan Efikasi Kendiri	322
6.2.3 Kesan Modul PEMBI Terhadap Tahap Kebimbangan	323
6.3 Rumusan Fasa Penilaian: Keberkesanan Modul PEMBI Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar (Kepercayaan Efikasi Kendiri, Amalan Efikasi Kendiri dan Tahap Kebimbangan)	325
6.4 Kebolegunaan Modul PEMBI Berdasarkan Retrospeksi Pengguna Modul	326
6.4.1 Penilaian Kebolegunaan Modul - Guru Tabika KEMAS	326
6.4.1.1 Kekuatan Modul	327
6.4.1.2 Kelemahan Modul	334
6.4.2 Penilaian Kebolegunaan Modul – Fasilitator	335
6.4.2.1 Kekuatan Modul	336
6.4.2.2 Kelemahan Modul	341
6.4.2.3 Penambahbaikan Modul	342
6.5 Rumusan Fasa Penilaian: Kebolegunaan Modul PEMBI untuk Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak	343
6.6 Rumusan Dapatan Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	345

BAB 7 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

7.1 Pendahuluan	347
7.2 Ringkasan Kajian	348
7.3 Perbincangan Dapatan Kajian	350
7.3.1 Perbincangan Dapatan Fasa Analisis Keperluan Merujuk kepada Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak	350

**Muka Surat**

7.3.2 Perbincangan Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	363
7.3.3 Perbincangan Dapatan Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	371
7.4 Implikasi Kajian	376
7.4.1 Implikasi dan Cadangan Terhadap Teoritikai	377
7.4.2 Implikasi dan Cadangan Terhadap Amalan	384
7.5 Cadangan Kajian Lanjutan	387
7.6 Penutup dan Rumusan	389
RUJUKAN	392
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Penggunaan Bahasa Instruksional Berdasarkan KSPK	4
2.1	Aktiviti-Aktiviti dalam Pengajaran Bahasa Inggeris (KSPK, 2010)	36
2.2	Aktiviti-Aktiviti dalam Pengajaran Bahasa Inggeris (KSPK, 2017)	37
2.3	Perbezaan Di Antara Efikasi Kendiri, Penghargaan Kendiri Dan Konsep Kendiri	60
2.4	Komponen Model ARCS	85
2.5	Perkaitan Strategi & Material Dengan Atribut ARCS Keller	87
3.1	Bentuk dan Pendekatan Kajian Pembangunan	107
3.2	Hubungan Fasa-Fasa Kajian Dengan Peringkat-Peringkat Pembangunan Modul	110
3.3	Pemilihan Sampel Kajian Fasa Analisis Keperluan	120
3.4	Taburan Ke Atas Nilai Pekali Alpha Cronbach	125
3.5	Senarai Pakar Untuk Kesahan Instrumen	126
3.6	Kesahan Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI	128
3.7	Kesahan Kandungan Sub Skala Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul PEMBI	129
3.8	Taburan Ke Atas Nilai Pekali Alpha Cronbach	130
3.9	Interpretasi Skor Min	132
3.10	Agihan Panel Pakar: Pembangunan Modul PEMBI	138
3.11	Jadual Pelaksanaan BLPMBI	153



**No. Jadual****Muka Surat**

3.12	Cara Pemilihan Sampel Mengikuti Kumpulan Rawatan atau Kumpulan Kawalan Berdasarkan Purata Min	166
3.13	Pembahagian Responden Kajian Dalam Kuasi Eksperimen	171
3.14	Cara Mengatasi Ancaman Dalam Kuasi Eksperimen	171
3.15	Senarai Pakar Untuk Kesahan Instrumen	180
3.16	Kesahan Soal Selidik Tahap Efikasi Kendiri Guru Mengajar Bahasa Inggeris	181
3.17	Kesahan Soal Selidik Tahap Kebimbangan Guru Mengajar Bahasa Inggeris	182
3.18	Kesahan Sub Skala Soal Selidik Tahap Efikasi Kendiri Guru Mengajar Bahasa Inggeris	182
3.19	Taksiran Ke Atas Nilai Pekali Alpa Cronbach Soal Selidik Tahap Efikasi Guru Mengajar Bahasa Inggeris	184
3.20	Taksiran Ke Atas Nilai Pekali Alpa Cronbach Soal Selidik Tahap Kebimbangan Guru Mengajar Bahasa Inggeris	184
3.21	Pengujian Normaliti Pemboleh Utama Kajian (Kolmogorov-Smirnov Test)	186
3.22	Matriks Kajian Pembangunan Modul PEMBI	188
4.1	Latar Belakang Demografi Responden	196
4.2	Interpretasi Skor Min	197
4.3	Min Sub Skala Pengetahuan dan Pencapaian Dalam Bahasa Inggeris	198
4.4	Min Sub Skala Pemodelan Kendiri Dalam Pengajaran	200
4.5	Min Sub Skala Penilaian Kendiri Dalam Pengajaran	202
4.6	Min Sub Skala Pembangunan Emosi Diri	204
4.7	Min Sub Skala Keperluan Pembangunan Modul PEMBI	206
5.1	Objektif Khusus Modul PEMBI	221



No. Jadual		Muka Surat
5.2	Objektif Khusus Sub Strategi Modul PEMBI	223
5.3	Karakter-Karakter Model ARCS Keller yang Digunakan Dalam Modul PEMBI	234
5.4	Penggunaan Strategi-Strategi Modul PEMBI Berdasarkan Model ARCS Keller	235
5.5	Penggunaan Karakter-Karakter Teori Pembelajaran Androgogi Dalam Modul PEMBI	241
5.6	Senarai Latihan Pengukuhan Efikasi Kendiri Mengikut Strategi Modul	298
5.7	Nilai Kesahan Modul PEMBI Mengikut Russell (1974) Berdasarkan Penilaian Pakar	299
5.8	Komen, Cadangan, Tindakan dan Penambahbaikan Bagi Modul PEMBI Oleh Pakar	300
5.9	Kesahan Kandungan Modul Berdasarkan Aktiviti Menurut Muhammad Aziz Shah (2010)	301
5.10	Komen, Cadangan, Tindakan dan Penambahbaikan Bagi Sub Modul Aktiviti Modul PEMBI Berdasarkan Aktiviti Oleh Pakar	303
5.11	Nilai Kebolehppercayaan Aktiviti-Aktiviti Dalam Enam Strategi Modul PEMBI	307
5.12	Tinjauan Mengenai Kelebihan, Kelemahan dan Cadangan Penambahbaikan Modul PEMBI	309
5.13	Pemurnian Modul PEMBI Terhadap Peruntukan Masa Bagi Setiap Aktiviti dan Kesesuaian Aktiviti	311
6.1	Peratus Perubahan Min Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Domain Kepercayaan Efikasi Kendiri	320
6.2	Min Skor Kepercayaan Efikasi Kendiri Sebelum dan Selepas Enam Minggu Rawatan Bagi Modul PEMBI	321
6.3	Peratus Perubahan Min Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Domain Amalan Efikasi Kendiri	322

**No. Jadual****Muka Surat**

6.4	Min Skor Amalan Efikasi Kendiri Sebelum dan Selepas Enam Minggu Rawatan Bagi Modul PEMBI	323
6.5	Peratus Perubahan Min Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Domain Tahap Kebimbangan	324
6.6	Min Skor Tahap Kebimbangan Sebelum dan Selepas Enam Minggu Rawatan Bagi Modul PEMBI	324





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.1	Perkaitan Karakter Teori Pembelajaran Androgogi Dengan Strategi Modul PEMBI	94
2.2	Kerangka Teoritik Kajian	102
3.1	Proses Pembangunan Modul PEMBI	110
3.2	Kerangka Kajian	114
3.3	Carta Alir Fasa Analisis Keperluan	116
3.4	Formula Kesahan Kandungan Sidek dan Jamaludin (2005)	127
3.5	Carta Alir Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	134
3.6	Formula Kesahan Kandungan Sidek dan Jamaludin (2005)	142
3.7	Carta Alir Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	146
3.8	Persampelan Kajian Kuasi Eksperimen	163
3.9	Formula Kesahan Kandungan Sidek & Jamaludin (2005)	181
5.1	Isi Kandungan Modul PEMBI Berdasarkan Dapatan Analisis Keperluan	230
5.2	Pecahan Kandungan Modul PEMBI Berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura	232
5.3	Aplikasi Dapatan Analisis Keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi dan Model ARCS Keller Dalam Modul PEMBI	244
5.4	Proses Reka Bentuk dan Pembangunan (Pembangunan)	297
5.5	Proses-Proses Kebolehpercayaan Aktiviti-Aktiviti Modul PEMBI	307



**No. Rajah****Muka Surat**

7.1	Gabungan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi Dalam Reka Bentuk dan Pembangunan Modul PEMBI	377
7.2	Saling Berhubungan di antara Guru, Sikap dan Persekitaran dalam Membentuk Efikasi Kendiri	381
7.3	Modul PEMBI Wahana kepada Pembangunan Profesionalisme Guru	383
7.4	Perubahan Sikap Guru dalam Mengajar Bahasa Inggeris setelah Memiliki Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris yang Tinggi	386





SENARAI SINGKATAN

ARCS	Model ARCS Keller
BLPMBI	Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris
CEFR	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
DDR	Pendekatan Kajian Reka bentuk dan Pembangunan
EBR	<i>Emotion Body Response</i>
ELT	<i>English Language Teaching Centre</i>
EPT	<i>English for Preschool Teachers</i>
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual & Sosial
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
MKO	<i>More Knowledgeable Other.</i>
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Nasional
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PASTI	Pusat Asuhan Tunas Islam
PDP	Pengajaran dan pembelajaran
SKPEMBI	Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris
SPAKK	Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia





STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>
TEKB	Teori Efikasi Kendiri Bandura
TPA	Teori Pembelajaran Andragogi





SENARAI LAMPIRAN

- A Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (KPM)
- B Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- C Senarai Panel Pakar
- D Kebenaran Penggunaan Soal Selidik “*Teachers’ Sense of Efficacy Scale*”
- E Soal Selidik Fasa Analisis Keperluan
- F Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Berdasarkan Russell (1974) Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan
- G Soal Selidik Kesahan Kandungan Kesesuaian Strategi & Aktiviti Modul Berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010) Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan
- H Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan
- I Kebenaran Penggunaan Soal Selidik “*Foreign Language Classroom Anxiety Scale*”
- J Soal Selidik Fasa Penilaian: Soal Selidik Tahap Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- K Soal Selidik Fasa Penilaian: Soal Selidik Tahap Kebimbangan Mengajar Bahasa Inggeris Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- L Borang Kerelaan Termaklum
- M Soal Selidik Temu bual Fasa Penilaian
- N Borang Refleksi Aktiviti Modul
- O Keberkesanan dan Kebolehgunaan Modul Menerusi Jawapan Peserta Bengkel Latihan Dalam Buku Aktiviti Kendiri
- P Contoh Jawapan Peserta Bengkel Latihan Dalam Buku Aktiviti Kendiri
- Q Senarai Pembentangan Penyelidik





- R Senarai Penerbitan Penyelidik
- S Pelaksanaan Bengkel Latihan Menggunakan Modul PEMBI
- T Kandungan Modul PEMBI
- U Kandungan Buku Aktiviti Kendiri Efikasi





BAB 1

PENGENALAN



Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi pemboleh ubah dan kesimpulan. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk memahami keperluan pembangunan modul latihan bagi meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.





1.2 Latar Belakang

Dalam era globalisasi yang pesat, kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah amat ditekankan oleh sistem pendidikan negara kita. Sistem pendidikan menekankan pendekatan holistik iaitu seimbang dari aspek JERIS (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual & Sosial). Kini pendidikan awal kanak-kanak merupakan agenda utama di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ia merupakan sub agenda di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan setelah kerajaan menyedari kepentingan pendidikan awal kanak-kanak perlu bagi kanak-kanak seawal usia empat tahun. Kementerian Pendidikan Malaysia telah membangunkan satu kurikulum yang diguna pakai oleh semua institusi pendidikan awal kanak-kanak iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan - KSPK (KPM, 2010 & 2017).



KSPK mempunyai enam tunjang iaitu tunjang bahasa dan komunikasi, tunjang keroohanian, sikap dan nilai, tunjang keterampilan diri, tunjang perkembangan fizikal dan estetika, tunjang sains dan teknologi dan tunjang kemanusiaan. Salah satu tunjang yang mempunyai peruntukan masa yang paling banyak berdasarkan KSPK ialah tunjang bahasa dan komunikasi. Dalam tunjang bahasa dan komunikasi terbahagi kepada Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi sekolah kebangsaan manakala bagi sekolah jenis kebangsaan terdapat Bahasa Mandarin atau Bahasa Tamil. Penekanan yang mendalam telah diberikan kepada aspek perkembangan bahasa pada peringkat awal kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun. Pada peringkat ini amat sesuai bagi kanak-kanak menguasai bahasa kedua selain dari bahasa ibunda. Ini kerana otak kanak-kanak berfungsi seperti span dan mudah untuk menyerap pelbagai jenis





bahasa jika guru dapat mengajar mereka dengan pendekatan atau strategi yang berkesan.

Penekanan Bahasa Inggeris dalam KSPK adalah selari dengan perkembangan Malaysia yang menuju ke arah Wawasan 2020 dan menyebabkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan adalah semakin penting sejajar dengan pembangunan Malaysia masa kini yang menuju ke arah perkembangan teknologi dan revolusi industri. Semakin maju sesebuah negara maka penggunaan Bahasa Inggeris juga bertambah penting. Oleh itu, kerajaan telah memperkenalkan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dengan tujuan untuk meningkatkan penguasaan kanak-kanak dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris. Setiap kanak-kanak perlu memiliki tahap kecekapan Bahasa Inggeris yang baik untuk membolehkan mereka meneroka dunia pengetahuan yang mereka perlukan untuk bersaing di tahap kebangsaan dan antarabangsa (Julaihi Bujang, 2017).

Oleh sebab itu penguasaan Bahasa Inggeris perlu bermula seawal usia kanak-kanak di prasekolah atau tadika. Berdasarkan KSPK, peruntukan masa bagi Bahasa Inggeris adalah sama dengan peruntukan Bahasa Malaysia iaitu 600 minit seminggu (KSPK, 2010 & 2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 adalah merupakan dokumen rujukan standard yang perlu dipatuhi oleh semua pengelola atau pengusaha tadika. Ia menetapkan parameter dan kandungan pengajaran dan pembelajaran yang minimum yang perlu dilaksanakan di tadika. Pada tahun 2010, KSPK telah mengalami satu perubahan besar iaitu peruntukan waktu belajar bagi komponen bahasa dan komunikasi. Prasekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar perlu memperuntukkan 600 minit untuk Bahasa Malaysia dan





600 minit untuk Bahasa Inggeris. Prasekolah yang menggunakan Mandarin atau Tamil sebagai bahasa pengantar perlu memperuntukkan 400 minit untuk Bahasa Malaysia dan 400 minit untuk Bahasa Inggeris dan 400 minit untuk bahasa Mandarin atau Tamil. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan penggunaan bahasa instruksional berdasarkan KSPK (2010).

Jadual 1.1

Penggunaan Bahasa Instruksional Berdasarkan KSPK

Bahasa Instruksional	Bahasa Pengantar Bahasa Melayu	Bahasa Pengantar Selain Dari Bahasa Melayu
Bahasa Melayu	600 minit	400 minit
Bahasa Inggeris	600 minit	400 minit
Bahasa Cina/Bahasa Tamil	-	400 minit
Jumlah	1200 minit	1200 minit



Perubahan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 iaitu Bahasa Inggeris hendaklah digunakan sebagai bahasa instruksional sekurang-kurangnya 10 jam seminggu di kelas prasekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Bahasa Inggeris hendaklah digunakan sebagai bahasa instruksional sekurang-kurangnya 6 jam seminggu di kelas prasekolah yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Pengajaran 600 minit Bahasa Inggeris bagi Sekolah Kebangsaan dan 400 minit bagi Sekolah Jenis Kebangsaan. (Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 7 Tahun 2016 – Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017).





Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Bahagian IV, Bab 2 – Pendidikan Prasekolah, Seksyen 22 – Kurikulum Prasekolah Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua tadika. Merujuk bilangan 1, “Menteri hendaklah menetapkan suatu kurikulum yang dikenali sebagai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang hendaklah digunakan oleh semua tadika dalam sistem pendidikan kebangsaan” (KSPK, 2010). Hal ini menunjukkan semua tabika atau tadika di Malaysia perlu menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran di sesebuah tadika. KSPK semakan 2017 juga mula dilaksanakan di semua prasekolah KPM, prasekolah agensi kerajaan dan prasekolah swasta pada Januari 2017 (Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor, 2018).

Hal ini menunjukkan semua prasekolah KPM, prasekolah agensi kerajaan dan prasekolah swasta yang menggunakan KSPK semakan 2017 perlu mematuhi ketetapan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris dan pengajaran Bahasa Malaysia dengan ketetapan nisbah 50:50. Pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris perlu menggunakan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam merealisasikan impian KPM untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai pencapaian yang baik dalam empat kemahiran utama Bahasa Inggeris iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran bertutur.





Di Malaysia satu kerangka baru telah diperkenalkan iaitu “*The Common European Framework of Reference for Languages*” (CEFR). Pelaksanaan CEFR telah bermula pada tahun 2018 secara besar-besaran di mana pihak KPM telah menyediakan guru-guru prasekolah untuk diberikan taklimat dan kursus mengenai format dan input CEFR. CEFR menekankan kepada empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, membaca, menulis dan seterusnya cuba menggalakkan murid-murid untuk bertutur di dalam Bahasa Inggeris (KPM, 2018). CEFR bukan hanya diperkenalkan kepada prasekolah KPM malah turut melibatkan prasekolah agensi kerajaan dan prasekolah swasta seperti Tabika KEMAS, Tadika Islam, Tadika Perpaduan dan semua tadika yang menggunakan KSPK semakan 2017.

Walau bagaimana pun, keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan atau transformasi dalam kurikulum pendidikan sangat bergantung pada kefahaman serta kompetensi guru sama ada dilaksanakan atau tidak dilaksanakan. KPM boleh membuat pelbagai transformasi dalam kurikulum pendidikan, namun peringkat pelaksanaan di sekolah tetap bergantung pada efikasi sendiri seorang guru sama ada ingin menerima dan mempraktikkannya di sekolah atau sebaliknya. Berdasarkan Laporan Pemeriksaan Khas Pendidikan Prasekolah Jemaah Nazir Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014 mendapati masih terdapat guru prasekolah yang tidak melaksanakan kurikulum sebagaimana yang dihasratkan oleh kurikulum KSPK. (Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Nurul Baizura Wan Mohammad Noor, 2018).





Beberapa transformasi telah berlaku di dalam KSPK khususnya kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. KPM juga telah menyediakan dokumen sokongan, bahan-bahan pengajaran dan juga memberikan latihan kepada guru dari aspek peningkatan kecekapan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Namun ia masih terpulang kepada guru sama ada ingin patuh atau tidak patuh pada pelaksanaannya. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman dan Wan Nurul Baizura Wan Mohammad Noor (2018) berkaitan impak atau kesan perubahan KSPK terhadap guru prasekolah. Dapatan menunjukkan sikap segelintir guru yang optimis dan juga permisif terhadap KSPK semakan 2017. Hal ini menunjukkan pelaksanaan kurikulum di sekolah masih bergantung pada guru di sekolah. Keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan bergantung pada kefahaman serta kompetensi guru iaitu pelaksanaan di sekolah (Rosmah Abd. Ghani & Mariani Md Nor, 2014). Oleh itu, adalah amat penting untuk membuat persediaan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak agar mampu melaksanakan segala perubahan kurikulum baru yang telah diperkenalkan (Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor, 2018).

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan pembangunan kurikulum Bahasa Inggeris di sekolah yang mana matlamat utama adalah melahirkan murid-murid yang dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Segala usaha yang telah dirancang dan dijalankan dapat dilihat dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang mana guru merupakan penentu utama untuk memastikan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat melahirkan murid-murid yang berjaya dalam penguasaan Bahasa Inggeris (KPM, 2013).





Dalam kajian ini efikasi sendiri guru dipilih sebagai pemboleh utama kajian kerana kajian lepas menunjukkan efikasi sendiri guru yang tinggi mempunyai kaitan rapat dengan pencapaian atau kejayaan. Berikut merupakan kajian-kajian yang mempunyai bukti empirikal terhadap kesan efikasi sendiri guru terhadap pencapaian murid (Ashton & Webb, 1986; Tschannen-Moran, Hoy & Hoy, 1998), jangkaan murid dan pencapaian (Midgley, Feldlaufer & Eccles, 1989), motivasi (Ashton & Webb, 1986) dan efikasi sendiri murid (Ross, Hogaboam-Gray & Hannay, 2001). Selain itu, guru yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan menunjukkan semangat yang tinggi dalam pengajaran (Guskey, 1988) dan lebih berminat untuk melaksanakan amalan-amalan pengajaran baru (Berman et al., 1997; Cousin & Walker, 2000; Guskey, 1988; Khan, Fleva & Qazi, 2015).



efikasi sendiri guru, maka dapat dilihat bahawa efikasi sendiri merupakan atribut yang penting dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun. Pengajaran Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak memerlukan komitmen guru yang amat tinggi bagi memastikan kanak-kanak berminat dan bermotivasi dengan apa yang guru ajar. Ini dapat dilihat menerusi sebuah kajian yang cuba mengkaji kepercayaan efikasi sendiri guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris terhadap guru dalam latihan dan guru dalam perkhidmatan (Uztosun, 2016).

Pengajaran Bahasa Inggeris bagi awal kanak-kanak adalah berbeza dengan pengajaran kepada kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke atas kerana mereka memiliki karakter yang berbeza. Di Turki guru Bahasa Inggeris tidak diberi latihan yang spesifik bagi pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan awal kanak-kanak. Hal





ini telah menyebabkan berlakunya permasalahan dalam pengajaran dan kesukaran di dalam kelas (Uztosun, 2016). Dengan itu, jelas terbukti bahawa efikasi sendiri guru memberi kesan yang mendalam terhadap pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris (Sabokrouh, 2014).

Efikasi sendiri boleh mengawal pemikiran, perasaan dan tindakan individu yang boleh mempengaruhi hasil yang cemerlang (Bandura, 1986). Guru mudah dibentuk jika guru mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Segala usaha kerajaan bagi melatih guru menjadi berkebolehan untuk mengajar Bahasa Inggeris akan menjadi positif sekiranya guru mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, bukan itu sahaja guru tidak hanya mengharapkan usaha orang lain malah guru sendiri akan bertindak untuk menjadi seorang guru yang berkaliber dalam mengajar Bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya efikasi sendiri terhadap guru jika ingin melahirkan seorang guru yang berkualiti, berkebolehan, bersemangat dan berwawasan. Efikasi sendiri guru dapat membantu guru membuat perubahan diri ke arah yang lebih baik dan secara tidak langsung dapat membantu melahirkan kanak-kanak yang mahir dengan penguasaan Bahasa Inggeris.

Rumusannya, efikasi sendiri guru yang tinggi dapat meningkatkan kualiti guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris. KPM dan agensi-agensi kerajaan perlu menyediakan guru kursus atau bengkel peningkatan profesionalisme guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan disertai dengan kursus atau bengkel yang dapat meningkatkan efikasi sendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Ini adalah disebabkan aspek psikologikal memainkan peranan yang penting bagi membantu guru berubah sikap khususnya perubahan kognitif, afektif dan tingkah laku. Hal ini dapat





dilihat menerusi beberapa dapatan kajian lepas yang menyatakan penguasaan bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris sangat berkait rapat dengan aspek psikologikal guru itu sendiri seperti sikap, motivasi, efikasi sendiri dan kebimbangan. Ramai pengkaji menunjukkan motivasi (Clement et al., 1994; Dornyei, 1994; Gardner & McIntyre, 1993) dan kebimbangan (Horwitz et al., 1986; MacIntyre & Gardner, 1989) merupakan faktor utama dalam pemerolehan bahasa kedua dan afektif seseorang individu. Guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris akan memastikan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris yang terbaik untuk kanak-kanak dan secara langsung dapat mengawal tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris agar menjadi lebih terkawal.



Pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan tahap profesionalisme pengajaran Bahasa Inggeris bagi guru pendidikan awal kanak-kanak yang majoriti adalah bukan opsyen Bahasa Inggeris. Sebagai contoh Program Mentor-Mentee Bahasa Inggeris yang telah dijalankan pada tahun 2012 dan 2013 yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dalam Bahasa Inggeris dan Kursus Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris Guru Prasekolah Agensi Kerajaan Negeri Perak Tahun 2014 (KPM, 2012, 2013 & 2014).





Kelayakan yang ditetapkan menjadi guru pendidikan awal kanak-kanak adalah perlu memiliki sekurang-kurangnya diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Bagi guru Tabika KEMAS ramai guru yang memiliki diploma dalam bidang bukan pendidikan awal kanak-kanak tetapi mereka perlu menjalani kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAKK) selama enam bulan (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Hal ini telah membuktikan bahawa guru pendidikan awal kanak-kanak adalah bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu, tahap kecekapan guru di dalam Bahasa Inggeris adalah berbeza-beza.

Di antara usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan ialah penyediaan sumber rujukan seperti modul-modul pengajaran Bahasa Inggeris, bahan bantu mengajar Bahasa Inggeris dan peruntukan diberikan untuk penyediaan kursus atau bengkel berkaitan peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris. Contoh sumber rujukan yang telah disediakan adalah Modul “*Junior Kid Programme*” (2008) yang merangkumi “*A Simple Sentence A Day*”, “*Sing and Action*” dan “*Learning Through Worksheet*” yang telah dibekalkan kepada guru prasekolah di negeri Perak. Selain itu, Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menyediakan dua buah modul pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris iaitu Siri Panduan Guru Prasekolah: Pembelajaran Menyeronokkan dan Bermakna - “*English Learning Modules*” (2010) dan Siri Panduan Guru Prasekolah: Pembelajaran Menyeronokkan dan Bermakna-“*Preschool English Language Communication*” (2011).





Manakala untuk penyediaan kursus atau bengkel, KPM telah menyediakan Kursus Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris di kalangan guru prasekolah selama dua tahun iaitu bermula dengan tahun 2013 dan juga tahun 2014. Tempoh pelaksanaan adalah dari bulan Jun hingga November 2013 dan 2014. Kursus dikendalikan secara berkumpulan iaitu seorang mentor mempunyai 10 hingga 15 mentee. Bengkel secara kumpulan diadakan sebanyak 12 kali dan minimum 2 jam 30 minit setiap bengkel (Modul Mentor Mentee, 2013& 2014). Kursus Bahasa Inggeris yang terbaru ialah “*English for Preschool Teachers*” – EPT (2019) yang dianjurkan oleh “*English Language Teaching Centre*” (ELTC). Program ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris guru prasekolah dan membantu guru menggunakan bahasa instruksional dalam Bahasa Inggeris untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih efektif (KPM.ELTC.500-6/3/6(5) – Program



Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Perak pula telah menyediakan kursus atau bengkel kepada guru Tabika KEMAS untuk meningkatkan profesionalisme guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Di antara kursus atau bengkel yang dijalankan ialah Bengkel Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Inggeris (2014), Bengkel Jurulatih Utama Bagi Subjek Bahasa Inggeris (2015), Kursus Fonik Bahasa Inggeris (2016), Kursus Fonik Bahasa Inggeris (2017) dan Bengkel Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Inggeris (2018). Begitu juga dengan Jabatan Agama Islam Negeri Perak yang telah menyediakan kursus atau bengkel kepada Guru Tadika Islam negeri Perak, di antaranya ialah Kursus Fonik Siri 1 (2016), Kursus Fonik Siri 2 (2017) dan Bengkel Peningkatan Kualiti Mengajar Bahasa Inggeris Pejabat Agama Daerah (2018).





Kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat dengan pendidikan awal kanak-kanak telah menyedari betapa pentingnya tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris kerana majoriti guru pendidikan awal kanak-kanak adalah bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris (Rohaty Majzub, 2013). Hal ini dapat dilihat dalam kajian berkaitan kepentingan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris, kekurangan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris telah dikatakan sebagai salah satu halangan besar untuk kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris (Mazlina Che Mustafa, Siti Hamira Ngajib, Zainiah Mohamaed Isa, Ainon Omar, Zaharah Osman, Noor Aini Ahmad, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip & Ain Nur Fatina Muhammad Amran, 2018). Apa yang dapat dilihat kekurangan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris menyebabkan guru tidak mempunyai keyakinan diri dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Ia telah dikenal pasti sebagai satu permasalahan utama bagi guru yang mempunyai tahap kecekapan Bahasa Inggeris yang rendah dan menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk mengajar Bahasa Inggeris (Rohaty Majzub, 2013).

Walaupun, usaha KPM dan agensi-agensi yang terlibat dengan pendidikan awal kanak-kanak di atas penyediaan kursus atau bengkel Bahasa Inggeris kepada guru pendidikan awal kanak-kanak, penekanan lebih tertumpu untuk meningkatkan tahap kecekapan guru dari aspek pengetahuan kandungan dan pedagogi. Hal ini dapat dilihat menerusi penyediaan kursus atau penyediaan bengkel Bahasa Inggeris bagi peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula tahun 2010 hingga 2019 (KPM, 2019). Pembangunan profesionalisme bagi guru pendidikan awal kanak-kanak untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris telah dijalankan namun begitu terdapat kekurangan dari





aspek dorongan luaran dan dalaman yang boleh menjadikan guru yakin untuk mengajar Bahasa Inggeris setelah mengikuti kursus atau bengkel Bahasa Inggeris (Epstein & Willhite, 2015; Almuhammadi, 2017).

Merujuk kepada kajian Chaves dan Guapacha (2016) yang mengkaji berkaitan pembangunan profesionalisme guru Bahasa Inggeris di Columbia. Terdapat lima elemen penting dalam penyediaan latihan kepada guru Bahasa Inggeris iaitu pengetahuan, amalan, imej, kesedaran dan halangan situasi. Imej adalah merujuk kepada peningkatan motivasi guru, keyakinan diri dan perubahan sikap dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan selain daripada peningkatan pengetahuan aspek psikologi guru seperti motivasi dan keyakinan diri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris perlu juga dititik beratkan. Namun di Malaysia kandungan kursus atau bengkel untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris guru pendidikan awal kanak-kanak lebih berfokus kepada peningkatan pengetahuan kandungan dan pedagogi (KPM, 2018). Hal ini telah menunjukkan bahawa tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris amat penting untuk memastikan kualiti pengajaran yang efektif, namun begitu faktor psikologikal seperti efikasi sendiri dan kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris merupakan salah satu aspek yang dapat membantu meningkatkan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris.

Penekanan kandungan kursus atau bengkel dapat dilihat menerusi matlamat utama kursus atau bengkel Bahasa Inggeris yang telah disediakan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak iaitu untuk meningkatkan pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi guru dalam subjek Bahasa Inggeris. Ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi atau kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris.





Kebanyakan kursus atau bengkel Bahasa Inggeris yang disediakan lebih berfokus kepada meningkatkan pengetahuan guru khususnya dalam kandungan subjek Bahasa Inggeris seperti tatabahasa, susunan ayat, cara sebutan, cara penggunaan ayat, cara bertutur, cara menulis dan pedagogi dalam mengajar Bahasa Inggeris (kaedah-kaedah yang sesuai untuk mengajar Bahasa Inggeris yang menitik beratkan perkembangan kanak-kanak). Ini kerana kajian-kajian lepas mendapati guru yang memiliki tahap kecekapan yang tinggi (khususnya pengetahuan & kemahiran) dalam Bahasa Inggeris dapat menjadi guru yang menjadi penentu kepada kejayaan murid-muridnya (Rohaty Majzub, 2013; Mazlina Che Mustafa & Maznah Ahmad, 2017; Mazlina Che Mustafa et al., 2018)

Hal ini dapat dilihat dalam kajian Dounghprom et al. (2016) yang telah memperkenalkan beberapa kaedah dan amalan bagi guru yang mempunyai masalah tahap kecekapan yang rendah dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Setelah guru tersebut mengikuti latihan menggunakan kaedah dan amalan yang dicadangkan pengkaji maka hasilnya ialah peningkatan pencapaian murid dalam Bahasa Inggeris. Pandangan yang dicetuskan oleh pengkaji di atas turut dipersetujui oleh Mazlina Che Mustafa et al. (2018) yang menyatakan tahap kecekapan guru yang tinggi dalam Bahasa Inggeris dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di dalam kelas dan seterusnya meningkatkan penguasaan kanak-kanak di dalam Bahasa Inggeris.

Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang menyatakan pandangan bahawa guru juga perlu diberikan pendedahan berkaitan dengan motivasi dan keyakinan diri dalam pengajaran Bahasa Inggeris (Ghasemboland, 2014; Thompson, 2016). Dalam kebanyakan kajian yang melibatkan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua,





selain daripada tahap kecekapan guru ada faktor sampingan yang sangat mempengaruhi sikap guru untuk melahirkan guru yang berkebolehan dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Faktor sampingan tersebut ialah faktor psikologikal yang merangkumi efikasi sendiri, keyakinan diri, motivasi dan resiliensi sendiri. Kajian Epstein dan Willhite (2015) menunjukkan efikasi sendiri mempunyai hubungan yang kuat dengan strategi pengajaran dan pengurusan kelas, Sabokrouh (2014) menyatakan efikasi sendiri guru memberi kesan yang mendalam terhadap pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran, Anyadubalu (2010) menyatakan selain faktor bahasa, motivasi merupakan salah satu faktor yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan guru untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Kajian Mazlina Che Mustafa dan Mardziah Ahmad (2017) telah melihat salah satu faktor penting untuk meningkatkan kecekapan guru berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris iaitu keyakinan diri.



Oleh sebab itu, dalam kajian ini pengkaji cuba menjelaskan bahawa selain faktor kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris yang berfokus hanya kepada pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam Bahasa Inggeris, terdapat satu lagi faktor penting yang dapat meningkatkan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris iaitu motivasi. Oleh kerana pengkaji ingin melihat keyakinan guru terhadap kemampuan diri untuk mengajar Bahasa Inggeris, maka pemboleh ubah efikasi sendiri dipilih sebagai pemboleh utama kajian ini. Ini kerana efikasi sendiri adalah berdasarkan konstruk motivasi (Ghasemboland, 2014). Kajian ini cuba mengkaji elemen yang perlu ada sebagai latihan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak untuk peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris selain dari pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam Bahasa Inggeris.





Justeru itu, tercetuslah idea pengkaji untuk membangunkan sebuah modul latihan yang dapat meningkatkan tahap efikasi sendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris dan sekali gus dapat mengurangkan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Modul tersebut dinamakan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak atau Modul PEMBI yang akan dibangunkan berdasarkan dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura (teori utama) dan Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi (teori sampingan). Modul PEMBI akan melalui proses-proses pembangunan modul bagi menjamin kesahan, kebolehpercayaan, keberkesanan dan kebolehgunaan modul yang jitu.



Secara khususnya, objektif kajian ini ialah;

Fasa I: Analisis keperluan modul.

1. Mengenal pasti keperluan membina modul latihan bagi guru pendidikan awal kanak-kanak dalam meningkatkan tahap efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris.
 - a) Mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura.
 - b) Mengenal pasti pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris.



- c) Mengenal pasti halangan-halangan untuk menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran dan pembelajaran di kelas.
- d) Mengenal pasti cara yang guru lakukan untuk mengatasi permasalahan penggunaan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris.
- e) Mengenal pasti keperluan membina modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.

Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul.

- 2. Mereka bentuk dan membangunkan modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi, Model ARSC Keller dan dapatan analisis keperluan.

- a) Mengenal pasti objektif modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris yang sesuai.
- b) Mengenal pasti isi kandungan modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris.
- c) Mengenal pasti strategi pelaksanaan yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.
- d) Mengenal pasti material yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.
- e) Menentukan kesahan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan pandangan pakar.
- f) Menentukan kebolehpercayaan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris melalui kajian rintis.



- g) Mengenal pasti penambahbaikan draf modul setelah menjalani pengesahan pakar dan kajian rintis.

Fasa III: Penilaian Modul

3. Mengenal pasti keberkesanan modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
4. Mengenal pasti keberkesanan modul latihan untuk mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
 - a) Mengenal pasti kesan modul latihan terhadap efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
 - b) Mengenal pasti kesan modul latihan terhadap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
5. Mengenal pasti kebolegunaan modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
 - a) Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan fasilitator.
 - b) Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan guru.





1.5 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi objektif yang berkenaan, kajian pembangunan ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

Fasa I: Analisis keperluan modul.

1. Apakah keperluan membina modul latihan bagi guru pendidikan awal kanak-kanak dalam meningkatkan tahap efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris.
 - a) Apakah tahap efikasi sendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura.
 - b) Apakah status pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris.
 - c) Apakah halangan-halangan untuk menggunakan bahasa instruksi Bahasa Inggeris sewaktu pengajaran dan pembelajaran di kelas.
 - d) Apakah cara yang guru lakukan untuk mengatasi permasalahan penggunaan bahasa instruksi dalam Bahasa Inggeris.
 - e) Apakah tahap keperluan membina modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak?

Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul.

2. Apakah reka bentuk modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri guru mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi, Model ARSC Keller dan dapatan analisis keperluan.



- a) Apakah objektif modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris yang sesuai.
- b) Apakah isi kandungan modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris.
- c) Apakah strategi pelaksanaan yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.
- d) Apakah material yang sesuai bagi setiap aktiviti dalam modul latihan.
- e) Apakah kesahan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan pandangan pakar.
- f) Apakah kebolehpercayaan draf modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris melalui kajian rintis.
- g) Apakah penambahbaikan draf modul setelah menjalani pengesahan pakar

Fasa III: Penilaian Modul

- 3. Apakah tahap keberkesanan modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
- 4. Apakah tahap keberkesanan modul latihan untuk mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
 - a) Apakah kesan modul latihan terhadap efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.
 - b) Apakah kesan modul latihan terhadap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti modul latihan.



5. Apakah tahap kebolegunaan modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.

- a) Apakah kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan fasilitator.
- b) Apakah kekuatan dan kelemahan modul latihan serta cara mengatasinya berdasarkan pandangan guru.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian tentang pembangunan modul yang bercorak ilmiah masih berkurangan di negara kita. Kebanyakan modul yang dibina hanya tertumpu kepada keperluan dan matlamat sesebuah organisasi tanpa memenuhi prosedur-prosedur pembinaan modul yang sebenar. Justeru itu ianya sukar untuk mengukur keberkesanan sesuatu modul itu. Kesignifikan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran dan garis panduan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak serta mereka yang terlibat dengan perkembangan kanak-kanak untuk membina sesuatu modul berdasarkan prosedur pembinaan modul seterusnya dapat mengukur keberkesanan modul berkenaan.

Kajian boleh menyumbang kepada perkhidmatan dan amalan pengajaran guru pendidikan awal kanak-kanak. Modul ini adalah berbantuan fasilitator yang mana bertujuan untuk meningkatkan tahap efikasi sendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris. Ia merupakan sebuah modul latihan yang dapat meningkatkan tahap efikasi sendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan secara langsung dapat mengurangkan tahap





kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris. Ia amat berbeza dengan kursus-kursus atau program-program Bahasa Inggeris yang kebiasaannya dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau agensi-agensi kerajaan yang lebih memberi penekanan kepada peningkatan pengetahuan kandungan Bahasa Inggeris dan pengetahuan pedagogi dalam Bahasa Inggeris. Sebaliknya modul latihan yang dibangunkan lebih berbentuk kepada peningkatan motivasi guru.

Kajian ini relevan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak khusus kepada latihan peningkatan profesionalisme guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris. Berdasarkan tujuan dan objektif, kajian yang dilaksanakan ini mempunyai signifikan dari aspek peningkatan efikasi sendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan pengurangan tahap kebimbangan guru dalam mengajar Bahasa Inggeris.

Oleh itu, kajian ini dapat mengembangkan ilmu pengetahuan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak berkaitan kepercayaan efikasi sendiri, amalan efikasi sendiri, tahap kebimbangan dalam mengajar Bahasa Inggeris dan juga perubahan sikap lebih positif terhadap pengajaran Bahasa Inggeris.

Di samping itu, keselarasan Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Andragogi dan Model ARCS Keller dapat menunjukkan tahap efikasi sendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris yang tinggi dapat mempengaruhi sikap guru dari aspek kognitif, tingkah laku dan emosi agar menjadi lebih positif terhadap pengajaran Bahasa Inggeris. Kajian ini dapat menjelaskan kepentingan guru pendidikan awal kanak-kanak perlu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris supaya dapat melaksanakan pengajaran Bahasa Inggeris yang efektif di dalam kelas.





Dalam pada itu, usaha pengkaji membangunkan sebuah modul latihan bagi meningkatkan profesionalisme guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengajar Bahasa Inggeris berpandukan kepada teori-teori dan model-model yang relevan dengan permasalahan dan tujuan kajian adalah penyumbang kepada penemuan dapatan kajian yang kukuh dan bermakna. Usaha pengkaji mengenal pasti gap utama kajian ini ialah kursus dan latihan berkaitan pengajaran Bahasa Inggeris tidak seharusnya hanya tertumpu kepada peningkatan tahap kecekapan guru dalam Bahasa Inggeris iaitu lebih kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam kandungan subjek dan pedagogi Bahasa Inggeris, sebaliknya perlu diberikan juga latihan yang dapat meningkatkan aspek psikologikal guru seperti cara untuk mengatasi malu, bimbang, takut, tidak yakin, tidak minat dan sebagainya dalam mengajar Bahasa Inggeris supaya menjadi guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dan bermotivasi dalam mengajar Bahasa Inggeris.



Penggunaan beberapa teori dan model utama dalam kajian ini yang dijadikan kerangka teoritikal diharapkan dapat menyumbang pengetahuan yang baru kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia khususnya bagi pengajaran Bahasa Inggeris. Di samping itu, hasil kajian ini dapat menyumbangkan sebuah modul latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris dan juga instrumen yang boleh diguna pakai untuk mengenal pasti beberapa faktor berkaitan efikasi sendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris.





Modul PEMBI ini turut disertakan dengan Buku Aktiviti Kendiri yang mana bertujuan untuk mendalami peluasan emosi dan amalan tingkah laku dalam pengajaran Bahasa Inggeris di kelas yang mana mempunyai objektif utama untuk meningkatkan pengetahuan mengenai efikasi sendiri guru. Latihan-latihan dalam Buku Aktiviti Kendiri dapat dilengkapi oleh guru-guru sebagai pembelajaran sendiri walaupun tanpa bantuan dari fasilitator. Latihan sendiri sebegini dapat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran guru yang mana dapat meningkatkan efikasi sendiri dan mengurangkan tahap kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam mengajar Bahasa Inggeris akan mampu menjalankan pengajaran Bahasa Inggeris dengan lebih berkesan. Pengajaran yang menarik dan berkesan dapat meningkatkan penguasaan dan pencapaian kanak-kanak dalam Bahasa Inggeris.



Pihak yang berkaitan dengan latihan guru seperti Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Pendidikan Prasekolah boleh menggunakan modul ini bagi melatih guru-guru pendidikan awal kanak-kanak dalam perkhidmatan. Selain itu, pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Agama Islam, Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN), Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan tadika-tadika swasta juga boleh menggunakan modul latihan ini jika ingin meningkatkan profesionalisme guru tadika dalam mengajar Bahasa Inggeris khusus kepada perubahan personaliti dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Apa yang paling penting ialah kajian pembangunan modul ini dapat memberi sumbangan kajian dalam bidang ini.





1.7 Skop Dan Limitasi Kajian

Dapatan dalam kajian adalah terhad pada limitasi yang telah disenaraikan dan skop kajian yang dilaksanakan. Bagi Fasa Analisis Keperluan, kajian ini hanya terbatas kepada 90 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak manakala bagi Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, kajian hanya terbatas kepada 30 orang guru Tadika Islam dan Fasa Penilaian kajian ini hanya terbatas kepada 66 orang guru pendidikan awal kanak-kanak iaitu guru Tabika KEMAS negeri Perak yang dipilih secara rawak kelompok dan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Oleh itu, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Sebaliknya hasil dapatan hanya terbatas pada lingkungan subjek yang terlibat dalam kajian ini sahaja.



Kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul latihan PEMBI untuk guru pendidikan awal kanak-kanak. Oleh yang demikian pengkaji telah memilih guru Tadika Islam dan Guru Tabika KEMAS sebagai subjek kajian kerana mereka berpengalaman dalam mengajar Bahasa Inggeris di kelas tadika. Mereka juga terlibat dengan perubahan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017.

Sementara itu, penilaian tentang keberkesanan dan kebolehgunaan Modul PEMBI hanya melibatkan guru-guru Tabika KEMAS negeri Perak. Oleh sebab kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan Modul PEMBI bagi meningkatkan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris, maka pengkaji turut melihat





proses pembangunan selepas mereka bentuk modul ini (Norlidah Alias, 2010). Kajian ini bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian.

Bagi tujuan penilaian keberkesanan modul, hanya 33 orang guru yang perlu mengikuti Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris sebagai kumpulan rawatan. Hal ini kerana, ia melibatkan kos yang agak tinggi untuk pembiayaan makan, minum dan juga bahan-bahan keperluan latihan. Untuk mendapatkan komitmen penuh daripada guru-guru yang terlibat sebagai peserta bengkel latihan pengkaji telah memenuhi semua perbelanjaan bagi keperluan latihan tersebut.

Kajian ini melibatkan tujuh orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pengajaran Bahasa Inggeris untuk pengesahan soal selidik analisis keperluan, sembilan orang pakar dalam bidang pembangunan modul, psikologi, pendidikan awal kanak-kanak dan pedagogi bagi mengenal pasti reka bentuk dan membangunkan Modul PEMBI. Reka bentuk adalah berdasarkan kepada Teori Efikasi Kendiri Bandura, Teori Pembelajaran Androgogi, Model ARCS Keller dan dapatan analisis keperluan, kemudian pakar-pakar mengesahkan kandungan modul tersebut sama ada mempunyai kesahan kandungan yang tinggi atau rendah. Bagi soal selidik ujian pra dan pasca seramai tujuh orang pakar dipilih untuk menilai kandungan soal selidik yang juga merupakan pakar dalam bidang psikologi, pendidikan awal kanak-kanak dan pengajaran Bahasa Inggeris.





Selain itu, tempoh untuk melihat perubahan tingkah laku subjek bagi kajian ini adalah singkat iaitu hanya lebih kurang dua bulan. Walaupun tempoh yang lebih lama akan memberi dapatan yang lebih baik, namun memandangkan kekangan masa untuk melaksanakan kajian pada peringkat kedoktoran, tempoh yang lebih lama tidak dapat diperuntukkan. Begitu juga dengan faktor kewangan iaitu pengkaji perlu menanggung semua perbelanjaan untuk mengendalikan bengkel bagi melaksanakan modul yang telah dibangunkan, semakin lama masa pelaksanaan bengkel maka semakin banyak perbelanjaan wang. Batasan-batasan ini menyebabkan limitasi kepada kajian ini perlu dinyatakan dengan jelas.

1.8 Definisi Pemboleh Ubah Dalam Kajian



Menurut Sidek Mohd Noah (2003) pemboleh ubah yang hendak dikaji perlu didefinisikan secara operasional. Oleh itu, bahagian ini menghuraikan definisi konseptual dan operasional bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini iaitu efikasi sendiri guru, kepercayaan efikasi sendiri, amalan efikasi sendiri dan kebimbangan.

1.8.1 Efikasi Kendiri Guru

Bandura (1997) menyatakan kepercayaan individu terhadap keupayaannya untuk menyelaras dan melaksanakan tindakan-tindakan yang diperlukan selaras dengan aras keupayaan yang dimiliki untuk mencapai hasil yang dikehendaki. Pengetahuan efikasi





kendiri mengajar Bahasa Inggeris mempunyai dua unsur iaitu jangkaan efikasi sendiri (kepercayaan kepada keupayaan seseorang untuk mencapai hasil atau tingkah laku yang diinginkan) dan jangkaan hasil (kepercayaan bahawa pencapaian tingkah laku yang dikehendaki akan membawa kepada hasil yang diinginkan).

Dalam konteks kajian ini, efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris adalah merujuk kepada kemampuan, keyakinan diri dan kepercayaan tentang diri sendiri berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di kelas. Terdapat beberapa kajian yang menyatakan bahawa efikasi sendiri sebagai keyakinan diri dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris (Sabokrouh, 2014; Epstein & Willhite, 2015; Karbasi & Samani, 2016). Efikasi sendiri diukur menggunakan Soal Selidik Tahap Efikasi Kendiri Mengajar Bahasa Inggeris dan Soal Selidik Tahap Kebimbangan Mengajar Bahasa Inggeris telah diubah suai. Tujuan instrumen ini digunakan adalah untuk mengumpul data mengenai tahap keyakinan dan kepercayaan seseorang terhadap dirinya dalam mengajar Bahasa Inggeris. Terdapat dua aspek yang akan dilihat dalam soal selidik penilaian berkaitan dengan efikasi sendiri guru;

a) Kepercayaan Efikasi Kendiri

Dalam kajian ini kepercayaan efikasi sendiri merupakan jangkaan efikasi sendiri iaitu merujuk kepada kepercayaan guru untuk mencapai hasil atau tingkah laku yang diinginkan. Guru hanya percaya tetapi tidak melaksanakannya.





b) Amalan Efikasi Kendiri

Dalam kajian ini amalan efikasi kendiri merupakan jangkaan hasil iaitu merujuk kepada tingkah laku yang diingini akan membawa kepada hasil dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Guru bertindak untuk melaksanakan amalan-amalan yang telah diperoleh untuk meningkatkan efikasi kendiri dalam mengajar Bahasa Inggeris. Amalan dalam kajian ini merujuk kepada kerja rumah yang telah diberikan kepada guru setelah mengikuti Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris secara mingguan.

1.8.2 Kebimbangan



Kebimbangan ialah “perasaan tertekan, ketakutan, gementar dan bimbang yang boleh membangkitkan atau menimbulkan perasaan gementar secara automatik” (Horwitz, et al.,1986:125). Prince (2002) menjelaskan kebimbangan tidak seperti tanda-tanda stres yang lain kerana kebimbangan menghasilkan bahan toksik. Apabila dilanda kebimbangan seseorang akan hilang kawalan emosi. Dengan perkataan lain, kebimbangan dalam kajian membawa maksud satu perbezaan yang kompleks tentang persepsi diri, kepercayaan, perasaan dan tingkah laku berhubung dengan penggunaan bahasa kedua.




Dalam konteks kajian ini, kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris merujuk kepada sikap malu, takut, tidak yakin dan gagap sewaktu mengajar Bahasa Inggeris. Ia boleh dibahagikan kepada reaksi fisiologi seperti terketar-ketar, tergagap-gagap, berpeluh-peluh sewaktu mengajar Bahasa Inggeris dan kebangkitan emosi seperti malu, takut, bimbang, tidak minat dan tidak yakin mengajar Bahasa Inggeris.

1.9 Kerangka Konseptual

Pemboleh utama bagi kajian ini merupakan kerangka utama dalam kerangka konseptual kajian. Othman Talib (2013), kerangka konseptual kajian adalah kerangka yang mengandungi perkaitan antara variabel yang akan dikaji. Bagi fasa penilaian modul, perkaitan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar dinilai menerusi kuasi eksperimen. Mohd Majid (2005), matlamat reka bentuk kajian eksperimen adalah untuk menentukan kesan pemboleh ubah tidak bersandar pada pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bersandar adalah hasil yang diukur untuk menentukan sama ada perlakuan berubah (Mohamad Najib, 1999). Pemboleh ubah tidak bersandar bagi kajian ini adalah Modul PEMBI dan pemboleh ubah bersandar adalah pengetahuan efikasi sendiri guru mengajar Bahasa Inggeris dan tahap kebimbangan guru mengajar Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini terdapat kumpulan rawatan yang menerima latihan berdasarkan kandungan modul dan sebuah kumpulan kawalan yang tidak menerima latihan berdasarkan kandungan modul.

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar yang terlibat dalam kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

Modul PEMBI merupakan modul latihan berbantuan fasilitator yang mengandungi enam strategi, 22 aktiviti yang perlu dijalankan selama 18 jam. Modul dilaksanakan dengan menjalankan Bengkel Latihan Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris. Modul ini dapat meningkatkan input mengenai pengetahuan dan pencapaian dalam Bahasa Inggeris, input pemodelan sendiri dalam Bahasa Inggeris, input mengenai penilaian sendiri dalam Bahasa Inggeris dan input mengenai pembangunan emosi diri.



Rajah di atas menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini. Pemboleh ubah tidak bersandar mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar ialah modul latihan berbantuan fasilitator (Modul PEMBI) manakala pemboleh ubah bersandar ialah kepercayaan efikasi sendiri, amalan efikasi sendiri dan kebimbangan. Modul PEMBI meninggalkan kesan terhadap kepercayaan efikasi sendiri dan amalan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris serta kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris. Ramalan yang dijangkakan ialah Modul PEMBI dapat meningkatkan kepercayaan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris, meningkatkan amalan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dan mengurangkan kebimbangan mengajar Bahasa Inggeris.



Bab ini membincangkan tentang permasalahan yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di prasekolah atau tadika. Pengkaji turut membincangkan mengenai efikasi sendiri guru dalam mengajar Bahasa Inggeris serta cabaran-cabaran dalam mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dalam bab ini turut dibincangkan objektif kajian, soalan-soalan kajian dan kepentingan kajian. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membangunkan sebuah modul latihan peningkatan efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris. Tumpuan kajian adalah untuk menyediakan latihan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak bagi meningkatkan pengetahuan dalam efikasi sendiri mengajar Bahasa Inggeris dan seterusnya mempengaruhi sikap guru terhadap pengajaran Bahasa Inggeris.

